

'Sokongan bawa kejayaan'

BH 13 AUG 1985

KUALA TERENGGANU, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sokongan dan kerjasama rakyat perlu bagi menentukan setiap projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan mencapai matlamatnya.

Menurut Perdana Menteri, pembangunan tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama dan penyertaan rakyat sepenuhnya.

Tambah beliau, setiap orang mempunyai tugas dan tanggungjawab menjayakan usaha-usaha pembangunan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian dalam kata-kata aluan buku cenderamata laporan *Sepuluh Tahun Pembangunan Negeri Terengganu* yang dikeluarkan khas sempena Ekspo 10 tahun Pembangunan Terengganu.

Ekspo itu akan diadakan di Padang Hiliran dan Stadium Negeri di

sini selama enam hari bermula Rabu ini.

Perdana Menteri berkata Terengganu kini di ambang pembangunan yang pesat hasil peneuman petroleum dan gas di luar pantai sejak tahun 1978.

Ekspo ini sedikit sebanyak akan dapat memberi gambaran kepada rakyat mengenai kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan negeri.

"Saya percaya ia akan memberi satu pe-

rangsang untuk mereka meneruskan sokongan terhadap usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan dan meninggikan tahap kemajuan Terengganu," katanya.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad pula berkata ekspo itu untuk tatapan rakyat sebagai suatu pernyataan sebenarnya, menggambarkan bagaimana Terengganu dulunya hutan belantara dan sekarang pesat membangun.

Katanya, inilah yang dapat diusahakan oleh sebuah kerajaan pilihan rakyat yang menjanjikan kemakmuran dan keadilan.

Keadilan

Menurut Menteri Besar, kesungguhan kerajaan dan keupayaan membawa pelbagai bentuk kemajuan yang begitu besar dalam waktu yang singkat, dapat disaksikan dengan jelas malah dapat dinikmati sendiri oleh rakyat.

"Demikianlah kerajaan bertindak menyempurnakan amanah yang dimandatkan oleh rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional," tambah beliau.